

PERKEMBANGAN AKTIVITI PERSURATKHABARAN DAN MAJALAH DI JOHOR 1919–1957

(The Development of the Newspaper and Magazine Press in Johor, 1919–1957)

Muhammad Izuan Abdul Rahman¹
izuanrhmn@gmail.com

Muhammad Hasrul Zakariah²
hasrul74@usm.my

Azmi Arifin³
azmiarifin@usm.my

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.^{1,2&3}

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Muhammad Izuan Abdul Rahman, Muhammad Hasrul Zakariah, & Azmi Arifin. (2026). Perkembangan aktiviti persuratkhabaran dan majalah di Johor 1919–1957. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 277–302 [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no4)

Peroleh: Received:	1/12/2025	Semakan: Revised	25/5/2026	Terima: Accepted:	28/7/2026	Terbit dalam talian: Published online	31/7/2026
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Kajian ini meneliti perkembangan kegiatan persuratkhabaran dan penerbitan majalah di negeri Johor sebelum kemerdekaan. Proses pemodenan yang dilaksanakan oleh pemerintah Johor berjaya menjadikan Johor sebagai sebuah negeri Melayu yang moden dan maju menjelang akhir abad ke-19. Namun demikian, Johor dilihat agak ketinggalan dalam bidang persuratkhabaran dan penerbitan majalah berbanding dengan negeri Melayu yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, ketika negeri-negeri Melayu lain telah aktif menerbitkan akhbar dan majalah, majalah pertama di Johor hanya diterbitkan pada tahun 1919. Walaupun berkembang agak lewat, kegiatan persuratkhabaran dan penerbitan majalah di Johor sebelum kemerdekaan berkembang dengan pesat sehingga mengatasi perkembangan di negeri-negeri Melayu yang lain. Sehubungan

dengan itu, kajian ini membincangkan faktor yang menyebabkan kegiatan persuratkhabaran dan penerbitan majalah di Johor bermula lebih lewat berbanding di negeri-negeri Melayu lain. Selain itu, kajian ini turut memperincikan faktor yang menyumbang kepada perkembangan pesat kegiatan tersebut di Johor pada era sebelum kemerdekaan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dengan mengaplikasikan pendekatan kepustakaan dan kaedah kualitatif. Melalui pendekatan ini, sumber primer dan sumber sekunder yang terdapat di perpustakaan, Arkib Negara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka dirujuk dan dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedudukan Johor yang berjiran dengan Singapura dan kesan daripada proses pemodenan yang dilaksanakan oleh pemerintah Johor telah merangsang perkembangan kegiatan persuratkhabaran dan penerbitan majalah di negeri tersebut.

Kata kunci: Akhbar, kewartawanan Melayu, majalah, pemodenan, percetakan, persuratkhabaran

Abstract

This study examines the development of newspaper and magazine publishing activities in the state of Johor prior to independence. The modernisation process undertaken by the Johor administration successfully transformed Johor into a modern and progressive Malay state by the end of the nineteenth century. Nevertheless, Johor lagged behind other Malay states in the field of newspaper and magazine publishing. While newspapers and magazines had already been actively published in other Malay states, Johor's first magazine only appeared in 1919. Despite this late beginning, newspaper and magazine publishing activities in Johor expanded rapidly during the pre-independence period and eventually surpassed those of other Malay states. Accordingly, this study examines the factors that contributed to the delayed emergence and subsequent rapid development of newspaper and magazine publishing activities in Johor. Employing a historical research methodology, this study applies library-based and qualitative approaches through the examination and analysis of primary and secondary sources obtained from libraries, the National Archives of Malaysia, and Dewan Bahasa dan Pustaka. The findings indicate that Johor's proximity to Singapore, together with the modernisation initiatives implemented by the Johor administration, significantly stimulated the growth of newspaper and magazine publishing activities in the state prior to independence.

Keywords: Newspapers, Malay journalism, magazines, modernisation, printing, journalism

PENDAHULUAN

Akhbar dan majalah merupakan khazanah pemikiran sesebuah bangsa. Analisis dan kupasan terhadap isi kandungannya bukan sahaja membolehkan pengkaji menggalur dan meneliti pemikiran sesebuah masyarakat bahkan mengenal pasti kecenderungannya. Pada masa yang sama, kegiatan persuratan menerusi penerbitan

akhbar dan majalah juga sering dikaitkan dengan simbol kemodenan dan kemajuan sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana akhbar bukan sahaja dapat membentuk cara berfikir, tetapi pada masa yang sama, menyedarkan dan menggerakkannya ke arah kemajuan. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu sejak akhir kurun ke-19 berlumba-lumba untuk menerbitkan akhbar dan majalahnya sendiri. Bermula di Negeri Selat, seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, *trend* menerbitkan akhbar dan majalah menular ke negeri-negeri Melayu yang lain. Namun begitu, aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor bermula agak lewat meskipun Johor pada waktu itu merupakan sebuah negeri Melayu yang moden dan maju. Tatkala orang Melayu di Perak, Kelantan dan Selangor berjaya menerbitkan akhbar dan majalah mereka sendiri pada awal kurun ke-20. Di Johor, tiada sebarang akhbar dan majalah yang diterbitkan oleh orang Melayu sehinggalah tahun 1919, barulah buat pertama kalinya majalah diterbitkan oleh orang Melayu Johor. Situasi ini mencerminkan seolah-olah sepanjang tempoh tersebut tiada sebarang aktiviti persuratan dan keintelektualan dalam kalangan masyarakat Melayu Johor. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan, mengapakah sebuah negeri yang moden dan maju tidak mempunyai akhbar ataupun majalah yang diterbitkan oleh rakyatnya sendiri? Sedangkan sejak tahun 1846 lagi, kerajaan Johor telah menubuhkan sekolah untuk memberikan pendidikan kepada orang Melayu. Ironinya, meskipun bermula agak lewat, Johor mempunyai bilangan akhbar dan majalah yang paling tinggi dalam kalangan negeri-negeri Melayu. Bahkan, negeri Johor turut melahirkan ramai wartawan yang terkemuka di Tanah Melayu pada zaman sebelum merdeka, seperti Abdullah Sidek, Shaharom Hussein, Ibu Zain dan Onn Jaafar. Oleh hal yang demikian, menerusi penelitian terhadap rekod rasmi kerajaan yang terdapat di Arkib Negara cawangan Johor dan akhbar-akhbar yang berkaitan, kajian ini akan mengupas persoalan mengapakah aktiviti persuratkhabaran di negeri Johor bermula agak lewat. Selain itu, kajian ini turut memperincikan faktor yang mempengaruhi perkembangan aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor pasca-1919 yang menyaksikan kelahiran akhbar dan majalah ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan serta mengapa negeri Johor berjaya melahirkan ramai wartawan yang terkemuka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan metodologi sejarah dengan memberikan penekanan kepada analisis historiografi bagi meneliti perkembangan persuratkhabaran dan penerbitan majalah di Johor antara tahun 1919 hingga tahun 1957. Pendekatan ini digunakan untuk menilai secara kritis penulisan terdahulu, mengenal pasti jurang penyelidikan dan mentafsir semula perkembangan persuratkhabaran berdasarkan bukti empirikal daripada sumber primer dan sumber sekunder.

Data dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan dan penyelidikan arkib. Sumber primer terdiri daripada akhbar dan majalah sezaman, seperti *Bintang Timor*, *Jawi Peranakan*, *Al-Imam*, *Lembaga*, *Jasa*, *Masa* dan *Bulan Melayu*, selain rekod pentadbiran kerajaan negeri Johor yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia. Sumber sekunder pula merangkumi buku, artikel jurnal, tesis dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan sejarah persuratkhabaran Melayu dan sejarah media.

Data dianalisis melalui kritikan sumber, meliputi kritikan luaran dan dalaman bagi menilai kesahihan dan kredibiliti dokumen, sebelum ditafsir menggunakan pendekatan historiografi. Data berbentuk jadual dan statistik turut digunakan sebagai bukti sokongan bagi memperkukuh analisis. Pendekatan ini membolehkan kajian menghasilkan interpretasi yang lebih komprehensif dan menyumbang kepada pengayaan historiografi persuratkhabaran Melayu di Johor (Marohaini Yusoff, 2011).

Persuratkhabaran dan Majalah di Negeri Johor: Satu Tinjauan Retrospektif

Ketika penggunaan radio dan televisyen masih lagi terhad dan kemudahan jaringan Internet masih belum wujud, akhbar dan majalah merupakan medium komunikasi utama pada waktu dahulu. Akhbar dan majalah bukan sekadar berperanan sebagai instrumen untuk mendapatkan berita dan maklumat, bahkan sebagai platform untuk menyalurkan pendapat, berkongsi idea, memberikan penerangan, membimbing dan mendidik, di samping sebagai alat untuk mengkritik kelemahan, ketirisan, serta ketidakadilan sesebuah institusi (Iskandar, 1980). Keberkesanan akhbar dan majalah dalam menyampaikan maklumat menyebabkannya dijadikan sebagai alat pemangkin perubahan sosial masyarakat Melayu (Roff, 1972).

Berbanding dengan Indonesia, perkembangan kegiatan persuratkhabaran dan majalah di Tanah Melayu agak perlahan dengan akhbar Melayu yang pertama yang hanya muncul pada tahun 1821 di negeri Melaka, iaitu *Bustan Arifin* (Abdul Rahman Haji Ismail, 1988). Jika ditelusuri genesis kegiatan persuratkhabaran Melayu, pada peringkat awal persuratkhabaran di Tanah Melayu dipelopori oleh golongan mubaligh Kristian sebelum dikembangkan oleh golongan Jawi Peranakan. Di Indonesia pula dirintis oleh mubaligh Kristian dan golongan Eurasia sebelum dikomersialkan oleh golongan Cina peranakan (Ahmat Adam 1995; Byrd 1991). Dalam usaha melancarkan proses dakwah kristianisasi di Tanah Melayu, golongan mubaligh ini telah membawa masuk mesin cetak untuk mencetak bahan bacaan yang berkaitan dengan agama Kristian. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan jika orientasi akhbar dan majalah Melayu pada peringkat awal lebih cenderung kepada aktiviti mempromosikan dan mendakwahkan agama Kristian kepada orang Melayu (Abdul Rahman Haji Ismail, 2011:2).

Dalam konteks negeri Johor pula, seperti yang dinyatakan pada peringkat awal perbincangan. Kegiatan persuratkhabaran dan majalah bermula agak lewat berbanding dengan negeri Melayu yang lain, seperti Perak, Pulau Pinang, Kuala Lumpur

dan Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana menjelang Jun 1919 barulah sebuah majalah berjaya diterbitkan di negeri Johor, iaitu majalah *Harapan* (Iskandar, 1980:14). Majalah tersebut diterbitkan oleh Persekutuan Kedarifan Belia Johor Bahru untuk diedarkan dalam kalangan ahlinya sahaja. Perlu ditegaskan dalam perbincangan ini, meskipun bermula agak lewat, hal ini tidak bermakna bahawa rakyat Johor tidak terlibat dalam sebarang aktiviti persuratkhabaran dan majalah sepanjang tempoh tersebut. Hakikatnya, sepanjang tempoh tersebut ramai rakyat Johor, khususnya golongan pembesar aktif melibatkan diri dalam aktiviti persuratkhabaran dan majalah yang terdapat di Singapura seperti yang akan dikupas dalam kajian ini. Oleh sebab itu, tidak menghairankan apabila analisis terhadap bibliografi akhbar dan majalah Melayu sebelum merdeka mendapati Johor merupakan negeri yang mempunyai bilangan akhbar dan majalah terbanyak di Tanah Melayu selain Negeri-negeri Selat, iaitu dengan 38 akhbar dan majalah, mendahului Perak dan Kelantan dengan jumlah 27 dan 15 buah sahaja seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Hal ini dikatakan demikian kerana budaya membaca dan menerbitkan akhbar dan majalah telah lama wujud dan sebatik dalam masyarakat Melayu Johor.

Jadual 1 Bilangan akhbar dan majalah Melayu di Tanah Melayu dari tahun 1880 hingga tahun 1957.

Negeri	Bilangan Akhbar
Perak	27
Kelantan	15
Johor	38
Negeri Sembilan	13
Kedah	7
Selangor/Kuala Lumpur	23
Terengganu	3
Melaka	7
Singapura	126
Pulau Pinang	56
Pahang	-
Perlis	-

Sumber: Data disesuaikan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Drs. A. M Iskandar; dalam *Persuratkhabaran Melayu 1878 — 1968*.

Secara umumnya, kegiatan berpersatuan di Johor telah merintis kepada penerbitan akhbar dan majalah (Siti Zaharah Mahfod, 2018). Persatuan yang paling awal dapat dikesan di negeri Johor ialah Pakatan Belajar dan Mengajar Bahasa Melayu (Pa. Ba. Min. Pa. Ba.) yang ditubuhkan oleh Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak pada tahun 1888. Orientasi dan hala tuju persatuan ini cenderung untuk mempertahankan dan mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di Negeri Johor (Amat Juhari, 2009: 92). Pada peringkat awal penubuhannya, pakatan ini hanya disertai oleh golongan pembesar Melayu Johor sahaja, seperti Dato' Ibrahim Abdullah Munsyi, Dato' Hassan Tahir, Haji Abdullah Musa, Haji Mohamed Said Sulaiman dan Muhammed Arif Unang. Hal ini disebabkan keahliannya terhad hanya untuk kakitangan perkhidmatan awam Johor (S.P 27).

Perlu ditegaskan dalam perbincangan ini walaupun pada peringkat awal aktiviti berpersatuan di negeri Johor dipelopori oleh golongan istana, namun menjelang tahun 1920-an golongan rakyat telah mengorak langkah untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti berpersatuan, seterusnya menerbitkan akhbar dan majalah dalam usaha memajukan masyarakat Melayu (Muhammad Izuan, 2025). Hal ini dibuktikan menerusi kejayaan beberapa kelab dan persatuan, seperti Muar Club, Persekutuan Guru Perempuan Johor, Persatuan Guru-guru Melayu Batu Pahat, Persekutuan Keharapan Belia Johor Baru dan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa yang menerbitkan akhbar dan majalah mereka sendiri, seperti *Taja Penghiburan*, *Bulan Melayu*, *Idaman*, *Harapan* dan *Peredar*.

Seperkara lagi, jauh lebih awal daripada kemunculan majalah *Harapan*. Orang Melayu Johor, khususnya dalam kalangan pembesar telah aktif untuk menerbitkan bahan bacaan menerusi pelibatan mereka dalam Pakatan Belajar dan Mengajar Bahasa Melayu. Hal ini disebabkan aktiviti utama yang dijalankan oleh pakatan ini berkisar dengan aktiviti persuratan Melayu. Dalam konteks ini, Pakatan Belajar dan Mengajar Bahasa Melayu menggalakkan ahlinya untuk menghasilkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu bagi menampung kekurangan bahan bacaan dalam bahasa Melayu pada ketika itu (Amat Juhari, 2009). Dalam usaha memperbanyakkan karya Melayu, pakatan ini telah menggalakkan ahlinya menulis diari atau catatan harian. Terdapat beberapa diari dan catatan harian yang dibuat oleh ahli pakatan ini yang kemudiannya diterbitkan sebagai bahan bacaan. Antaranya *Kisah Pelayaran Abdullah* dan *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Dalam tempoh tahun 1904 hingga tahun 1905, keahlian pakatan ini semakin meningkat sehingga mencecah 500 orang. Pakatan ini juga berjaya menerbitkan buku seperti *Hikayat Queen Victoria* pada tahun 1905 dan *Hikayat Johor* pada tahun 1908. Namun, pakatan ini tidak bertahan lama apabila Dato' Abdul Rahman Andak dibuang negeri ke London. Aktiviti dan kegiatan pakatan ini terbantut, sebelum dihidupkan semula oleh Dato' Muhammad Said Sulaiman pada 1935 (S.P 27).

Kegiatan persuratan oleh Pakatan Belajar dan Mengajar Bahasa Melayu membuktikan bahawa aktiviti keintelektualan di negeri Johor berkembang seiring dengan proses pemodenan. Bahkan sorotan terhadap beberapa akhbar yang diterbitkan

di Singapura memperlihatkan pelibatan aktif rakyat Johor dalam ruangan surat kiriman pembaca. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa aktiviti persuratkhabaran dan majalah telah berkembang pesat lebih awal dalam kalangan orang Melayu Johor sejak akhir kurun ke-18 lagi. Namun begitu, memandangkan kepesatan industri percetakan di Singapura yang berjiran dengan Johor, mereka memilih untuk bergiat aktif dalam kegiatan persuratan menerusi akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura seperti yang akan dibincangkan dalam sub-topik berikutnya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pengaruh Singapura Terhadap Aktiviti Persuratkhabaran dan Majalah di Negeri Johor.

Hasil penyelidikan terhadap akhbar Melayu yang diterbitkan pada sebelum merdeka mendapati bahawa aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor bermula agak lewat disebabkan oleh kedudukan geografi Johor yang bersebelahan dengan ‘lubuk percetakan Melayu’, iaitu Singapura (Harper, 1999:21). Menurut Harper (1999), selepas tahun 1840, 85% daripada buku Melayu diterbitkan di Singapura. Situasi ini secara tidak langsung menyebabkan rakyat Johor lebih tertumpu pada Singapura untuk mendapatkan bahan bacaan memandangkan lambakan akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura. Walaupun diterbitkan di Singapura, akhbar dan majalah tersebut mempunyai bilangan pembaca dan pengaruh yang tinggi dalam kalangan rakyat Johor (Sarim Mustajab, 1984:370). Hal ini dibuktikan berdasarkan penelitian terhadap akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan di Singapura, seperti *Jawi Peranakan*, *Bintang Timor* dan *Al-Imam* yang merupakan antara akhbar dan majalah yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu. Seperti yang telah dinyatakan, walaupun akhbar dan majalah ini diterbitkan di Singapura. Akhbar dan majalah ini kerap kali memuatkan berita yang berkaitan dengan hal ehwal negeri Johor. Sebagai contoh, *Bintang Timor* pada Mei 1894 telah membuat liputan mengenai upacara keraian di negeri Johor (Bintang Timor, 1894). Sementara itu, *Al-Imam* pula pada Februari 1908 telah menerbitkan sebuah artikel bertajuk “*Al-Sharaf: Kemuliaan dan Kehinaan Pemerintah*” yang memuji kepimpinan Sultan Abu Bakar (*Al Imam*, No. 8). Hal ini secara tidak langsung membolehkan akhbar ini menembusi segmen pasaran akhbar dan majalah di negeri Johor. Oleh itu, tidak hairan sekiranya akhbar dan majalah tersebut mendapat sambutan daripada kalangan rakyat Johor. Sambutan hangat rakyat Johor terhadap akhbar ini dapat dilihat berdasarkan surat kiriman daripada rakyat Johor yang memenuhi ruangan surat pembaca.

Lambakan akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada rakyat Johor untuk bergiat aktif dalam bidang persuratkhabaran dan majalah dengan menghantar artikel dan surat kiriman kepada akhbar dan majalah yang terdapat di Singapura. Sebagai contoh, Dato’ Bentara Dalam

Muhamad Ibrahim Abdullah Munsyi aktif menyumbangkan artikel dan surat kiriman dalam akhbar *Jawi Peranakan* dan *Bintang Timor* (*Bintang Timor* 1894). Menerusi *Bintang Timor*, Ibrahim Munsyi sering berkongsi maklumat mengenai perkembangan politik antarabangsa. Bahkan beliau sempat menganjurkan peraduan teka-teki dalam ruangan surat kiriman *Bintang Timor*. Begitu juga dengan Dato' Abdullah Abdul Rahman yang merupakan Pengerusi Pakatan Belajar dan Mengajar Bahasa Melayu pada tahun 1935 serta Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor. Artikelnya bertajuk "*Matahari Memanchar*" yang diterjemahkan daripada penulisan Mustafa Kamal Phasa telah diterbitkan dalam majalah *Al-Imam*. Artikelnya itu disiarkan oleh majalah *Al-Imam* sebanyak dua kali iaitu pada Jun 1902 dan Februari 1907 (Sarim, 1984: 370).

Begitu besarnya pengaruh Singapura terhadap aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor dapat dilihat apabila terdapat rakyat Johor menerbitkan akhbar dan majalah di Singapura sebelum dipasarkan di Johor. *Lembaga Malaya* misalnya, walaupun diterbitkan di Singapura pada tahun 1934, merupakan syarikat akhbar yang dimiliki oleh rakyat Johor, iaitu Onn Jaafar. *Lembaga Malaya* dilihat menjadikan Johor sebagai fokus perbincangan mereka dengan kerap memuatkan berita mengenai hal ehwal negeri Johor (Ramlah Adam, 1979:60). Di samping itu, *Lembaga Malaya* juga menyediakan suatu ruangan khas untuk mengupas hal ehwal politik Johor dan melaporkan sidang Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Hal ini selari dengan kenyataan yang ditulis Ketua Pengarang *Lembaga Malaya* kepada Menteri Besar Johor yang menyatakan "*We always give first prominence to Johore news; and almost all our staf composed of Johore Malays*" (J/MB 652/1938).

Di samping itu, bertepatan dengan statusnya sebagai 'lubuk percetakan Melayu', sudah tentu segala teknologi dan kepakaran dalam urusan percetakan berpusat di Singapura. Tambahan pula, status Singapura sebagai pusat pentadbiran British secara tidak langsung menjadikannya tumpuan oleh pemodal dan pedagang dari Eropah. Oleh hal yang demikian, atas faktor strategi perniagaan dan pemasaran seperti kemudahan mendapatkan bahan mentah dan alat ganti, pasaran, buruh mahir serta kos yang efisien, adalah wajar jika kegiatan mencetak dan menerbitkan akhbar dan majalah dilakukan di Singapura. Tambahan pula, dari aspek logistik, tanah besar Johor dan Singapura hanya dipisahkan oleh Selat Tebrau. Namun perkhidmatan feri wagon dan *ferry-boat* telah memainkan peranan sebagai 'jambatan' yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura (Amarjit Kaur, 1984:253). Hal ini secara tidak langsung memudahkan akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura untuk menembusi pasaran bukan hanya di negeri Johor bahkan ke negeri-negeri Melayu yang lain. Akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura dapat dihantar kepada pelanggan di Tanah Melayu dengan lebih mudah dan cepat.

Kepesatan aktiviti industri persuratkhabaran dan majalah di Singapura menyebabkan warga Johor lebih cenderung untuk mendapatkan akhbar dan majalah dari Singapura, khususnya akhbar dan majalah yang berpengaruh seperti *Jawi Peranakan*, *Bintang Timor*, dan *Al-Imam* sebagai bahan bacaan mereka (Sarim, 1997). Lambakan

akhbar dan majalah Singapura yang dipasarkan di Johor menyebabkan tiada keperluan bagi rakyat Johor untuk menerbitkan sendiri akhbar dan majalah di Johor. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan jika aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor bermula agak lewat berbanding negeri-negeri Melayu yang lain. Walau bagaimanapun, situasi ini mula berubah menjelang suku pertama kurun ke-20. Impak proses pemodenan yang dilaksanakan oleh pemerintah Johor menyaksikan kewujudan trend dalam kalangan rakyat Johor untuk menerbitkan akhbar dan majalah.

Impak Modernisasi Sistem Pendidikan terhadap Perkembangan Aktiviti Persuratkhabaran dan Majalah

Kerancangan aktiviti persuratkhabaran dan majalah yang berkembang pesat di Johor selepas suku pertama kurun ke-19 dapat dilihat berdasarkan bilangan akhbar dan majalah yang berjaya diterbitkan di negeri ini. Pada masa yang sama, negeri Johor turut melahirkan beberapa wartawan terkemuka di Tanah Melayu pada ketika itu, seperti Abdullah Sidek, Ibu Zain, Onn Jaafar, dan Shaharom Hussein. Bilangan akhbar dan majalah yang tinggi serta kejayaan melahirkan angkatan wartawan Melayu yang terkemuka berkait rapat dengan proses pemodenan yang dilaksanakan oleh kerajaan Johor, khususnya dalam bidang pendidikan. Gagasan modenisasi yang dibawa oleh pemerintah Johor mendorong Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor diketuai oleh Ibu Zain pada tahun Jun 1930 telah berjaya menerbitkan majalah *Bulan Melayu* yang merupakan majalah pertama yang dihasilkan oleh kaum hawa di Tanah Melayu (Muhammad Izuan, 2017). Kelahiran bulan Melayu merupakan simbolik bahawa wanita Melayu Johor mula mengorak langkah untuk membebaskan diri daripada cengkaman adat resam yang menghambat mereka untuk bergiat aktif dalam lapangan pendidikan dan sosial (Bulan Melayu Jun, 1930). Hal ini membuktikan bahawa sistem pendidikan di negeri yang sistematik, bukan sahaja melahirkan generasi celik huruf yang menyediakan pasaran untuk akhbar dan majalah. Bahkan, turut membudayakan kegiatan persuratkhabaran dan majalah.

Hal ini dibuktikan melalui penelitian terhadap sukatan pelajaran sekolah Melayu negeri Johor. Seawal darjah satu lagi kanak-kanak-kanak telah diajar untuk mengeja. Pada peringkat awal ini, kanak-kanak dikehendaki mengeja dan menulis perkataan yang ditulis oleh guru mereka di papan hitam. (Muhammad Izuan, 2025). Pada peringkat ini juga, teknik menulis amat dititikberatkan. Buktinya, sukatan pelajaran sekolah Melayu Johor mengesyorkan guru-guru supaya:

Hendaklah jaga baik-baik bagaimana jalan memegang kalam yang betul dan jaga baik-baik supaya buku atau papan batu terletak dengan tegak dan jangan dibiarkan murid-murid tunduk sangat waktu menulis (P/IP/J 2).

Apabila memasuki darjah dua, kanak-kanak dikehendaki membaca buku *Penimbul Akal* dan *Baja Akal*, iaitu mereka dikehendaki menulis dan mengeja berdasarkan buku-buku tersebut. Bagi ejaan yang salah, guru-guru dikehendaki membetulkan kesalahan murid tersebut, manakala murid pula didenda dengan menulis semula ejaan yang salah tersebut (P/JP/J 2). Ketika darjah dua ini juga, kanak-kanak diperkenalkan dengan dua subjek baharu, iaitu karangan mulut dan karangan tulis. Karangan mulut ialah ujian lisan yang mana murid-murid dikehendaki membuat ayat berdasarkan perkataan yang diberikan oleh guru mereka secara spontan, manakala karangan tulisan pula ialah aktiviti menulis ayat berdasarkan perkataan yang diberikan oleh guru. Seterusnya, apabila berada di darjah tiga dan empat, kanak-kanak dilatih menulis karangan pendek, misalnya menulis peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka, perihal binatang dan kawasan persekitaran mereka. Murid-murid turut digalakkan mencipta syair dan pantun. Kemuncaknya apabila memasuki darjah lima, kanak-kanak diwajibkan untuk:

Mengarang cerita, surat kiriman, mengertikan dan mengarang maksud perumpamaan, meringkaskan karangan yang lanjut, mengetahui penggunaan perkataan kias, ibarat, mengarang dan membuat syair dan pantun yang senang-senang, mengarang dari hal benda-benda, binatang-binatang dan perkara yang berlaku (P/JP/J 2).

Analisis terhadap sukatan pelajaran sekolah Melayu negeri Johor mendapati bakat menulis dan berkarya telah diasah dan dilentur sejak kecil lagi. Selain menulis karangan, murid-murid sekolah dikehendaki membaca akhbar-akhbar Melayu agar membuka minda dan meluaskan pengetahuan mereka (*Lembaga Malaya*, 30 Ogos 1935). Di Johor, sekolah Melayu juga menjadikan akhbar dan majalah sebagai alat bantuan mengajar. Dalam konteks negeri Johor, Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah mengambil inisiatif melanggan akhbar *Lembaga Malaya* untuk dihantarkan ke sekolah Melayu di seluruh negeri Johor sebagai alat bantuan mengajar dalam usaha menggalakkan murid-murid sekolah membaca dan mengarang (Ahmad Fawzi Basri, 1984).

Di samping itu, terdapat juga akhbar tertentu yang mengambil inisiatif untuk menyediakan ruangan khas bagi memuatkan karangan dan artikel yang ditulis oleh pelajar-pelajar sekolah seperti yang dilakukan oleh *Lembaga Malaya* dan *Bulan Melayu*. Bahkan, sebagai tanda menyokong inisiatif tersebut, sidang redaksi *Lembaga Malaya* telah bersetuju untuk memperuntukkan empat halaman khas bagi memuatkan karangan daripada guru dan murid sekolah, serta berita mengenai pelajaran dan kegiatan sekolah. Hal ini secara tidak langsung melatih dan menggalakkan murid untuk menceburi kegiatan persuratkhabaran. Oleh itu, tidak menghairankan jika Sekolah Melayu Gemereh, Segamat telah berjaya menerbitkan majalah mereka sendiri yang diberikan nama Majalah *Suluh* pada tahun 1952 (Iskandar, 1990:96).

Sewaktu proses pemodenan, pemerintah Johor sememangnya amat menitikberatkan aspek pendidikan di negeri tersebut. Setiap kanak-kanak yang berumur tujuh tahun

hingga 14 tahun diwajibkan untuk bersekolah. Jika tidak, ibu bapa mereka bakal berhadapan dengan tindakan undang-undang, iaitu denda tidak kurang daripada \$5.00. Inisiatif kerajaan Johor ini yang mewajibkan pendidikan kepada golongan kanak-kanak secara tidak langsung meningkatkan kadar literasi dalam kalangan rakyat Johor. Kadar literasi yang tinggi dalam kalangan rakyat membolehkan industri persuratkhabaran dan majalah berkembang pesat di negeri Johor. Dengan berdasarkan banci penduduk tahun 1931, Johor muncul antara negeri yang mempunyai kadar literasi yang tertinggi dalam kalangan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2. Kadar bilangan celik huruf yang tinggi hasil daripada sistem pendidikan Johor ini secara tidak langsung menyediakan pasaran luas kepada penerbit akhbar dan majalah.

Jadual 2 Kadar literasi di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu berdasarkan banci penduduk tahun 1931.

Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	Boleh Membaca	Tidak Boleh Membaca	Literasi Per Seribu Orang	Literasi Per Seribu Orang bagi 15 Tahun ke Atas
Johor	103,123	401,754	204	250
Kedah	64,641	364,841	151	187
Kelantan	17,080	342,420	48	65
Terengganu	11,611	168,105	65	87
Perlis	6,439	42,857	131	143

Sumber: *British Malaya a report of the 1931 census*. (Vlieland, 1931, hlm. 328).

Bantuan dan Sokongan Kerajaan terhadap Akhbar dan Majalah di Johor

Pada masa yang sama, kepesatan industri persuratkhabaran di negeri Johor sedikit sebanyak turut dipengaruhi oleh sokongan daripada pihak kerajaan. Oleh sebab membantu akhbar dan majalah yang diterbitkan oleh rakyat Johor, kerajaan negeri telah menyalurkan beberapa bantuan insentif. Sebagai contoh, pada tahun 1936, kerajaan Johor telah memberikan peruntukan sebanyak \$2500.00 kepada *Lembaga Malaya* untuk membiayai kos perpindahan *Lembaga Malaya* ke Jalan Meldrum yang membolehkan akhbar tersebut diterbitkan dan beroperasi di negeri Johor (J/MB 652/1938:). Bahkan, Sultan Ibrahim telah mengurniakan sebidang tanah di Jalan Meldrum kepada sidang redaksi *Lembaga Malaya* untuk didirikan pejabat.

Pada masa yang sama, kerajaan Johor turut memberikan pengecualian bayaran pos kepada majalah *Bulan Melayu*. Hal ini bermakna setiap majalah *Bulan Melayu*

yang ingin dihantar kepada pembeli di Johor tidak perlu menggunakan setem (*Bulan Melayu*, November 1931). Kerajaan Johor sememangnya sangat komited dalam membudayakan amalan membaca akhbar dan majalah. Oleh hal yang demikian, kerajaan Johor telah melanggan akhbar yang diterbitkan di Johor dan di luar Johor yang dilihat berfaedah untuk dibaca oleh kakitangan kerajaan Johor seperti yang terdapat dalam Jadual 3 (J/MB 254/38). Dalam konteks ini, kerajaan Johor memperuntukkan dana sebanyak \$140.00 untuk perbelanjaan akhbar dan majalah dalam belanjawan tahunannya. Sehingga April 1938, kerajaan Johor telah melanggan lapan buah akhbar dan majalah dengan kos perbelanjaan sebanyak \$119.80 (J/PB 1). Sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan secara tidak langsung merancakkan perkembangan aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor.

Jadual 3 Senarai akhbar dan majalah yang dilanggan oleh kerajaan Johor.

Bil	Akhbar dan Majalah	Harga
1	<i>Straits Times</i> (setahun)	\$30.00
2	<i>Free Press</i> (setahun)	\$30.00
3	<i>Sunday Times</i> (setahun)	\$5.80
4	<i>Malaya Tribune</i>	\$65.80 (Percuma)
5	<i>Lembaga Malaya</i>	\$16.00
6	<i>Warta Malaya</i>	\$30.00
7	<i>Warta Ahad</i>	\$8.00
8	<i>Majalah Guru</i>	\$3.00

Sumber: Disesuaikan berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kerani Besar Johor. Lihat, J/MB 254/38: Langganan Kertas-kertas Akhbar dan Majalah. Arkib Negara Cawangan Johor.

Kelengkapan Infrastruktur

Seperkara yang tidak boleh dinafikan, perkembangan pesat aktiviti persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor banyak dipengaruhi faktor kemudahan infrastruktur dan jaringan prasarana yang lengkap hasil daripada proses pemodenan yang dilakukan oleh pemerintah. Jaringan prasarana seperti sistem jalan raya, kereta api, pejabat pos dan kemudahan telekomunikasi, seperti perkhidmatan telefon dan telegraf secara tidak langsung memainkan peranan yang penting dalam merangsang aktiviti persuratkhabaran di negeri Johor. Sebagai contoh, jaringan jalan raya dan perkhidmatan kereta api yang membolehkan akhbar dan majalah diedarkan secara menyeluruh, bukan setakat di kawasan pedalaman bahkan ke luar Johor. Berdasarkan rekod Jabatan Kerja Raya negeri Johor, menjelang tahun 1915 sistem jaringan jalan raya di negeri Johor telah hampir sempurna di bawah projek '*Road Extension Scheme*' khususnya di kawasan Muar, Segamat, Jementah, Jemaluang dan Mersing (G.A 145/ 1915).

Sementara itu, perkhidmatan pos pula dipercayai sudah mula beroperasi di negeri Johor setidak-tidaknya sejak tahun 1889 secara tidak langsung

membantu merancakkan kegiatan persuratkhabaran di negeri itu. Berdasarkan catatan *Singapore and Straits Settlement Directory* 1889, sebuah jabatan pos telah wujud dalam pentadbiran birokrasi di negeri Johor yang diketuai oleh H.E Bently (SSD 1889). Dalam konteks ini, perkhidmatan pos merupakan nadi yang menjayakan kegiatan persuratkhabaran di negeri Johor. Menjelang tahun 1930, perkhidmatan pos telah disediakan secara menyeluruh di negeri Johor dengan kewujudan sekurang-kurangnya sebuah pejabat di setiap daerah dan pekan-pekan di negeri Johor (P/POS/J). Hal ini secara tidak langsung membolehkan akhbar dan majalah dikirim dengan lebih luas dan cepat. Tidak kira sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Hal ini dikatakan demikian kerana satu daripada strategi pemasaran yang digunakan oleh penerbit akhbar dan majalah pada waktu tersebut adalah dengan menggalakkan pembacanya melanggan penerbitan mereka secara berkala. Kebiasaannya, iklan langganan akan dilampirkan dalam akhbar dan majalah. Pembaca diberi pilihan untuk melanggan mengikut tempoh tertentu dan hanya perlu mengisi borang langganan dan mengeposnya berserta jumlah bayaran kepada pihak penerbit. Kaedah ini dilihat memudahkan urusan jualan di samping memberikan modal terlebih dahulu kepada pihak penerbit. Menerusi kemudahan perkhidmatan pos juga, sidang redaksi akhbar dan majalah dapat berinteraksi dengan pembaca mereka melalui kiriman surat. Malah, kebanyakan akhbar dan majalah pada waktu ini telah menyediakan satu ruangan surat kiriman yang membolehkan pembaca bertukar-tukar fikiran. Menurut Khoo Kay Kim (1994), akhbar sewaktu zaman sebelum kemerdekaan merupakan platform untuk rakyat melahirkan ‘protes sosial’ mereka menerusi surat kiriman kepada sidang redaksi, sekali gus membantu memberikan gambaran dunia Melayu ketika era penjajahan British.

Jika diteliti, tindakan menyediakan ruangan surat kiriman bukan sahaja dapat meningkatkan bilangan pembaca tetapi pada masa yang sama dapat memastikan pembaca melanggan secara konsisten setiap keluaran akhbar dan majalah mereka. Seperkara yang menarik, *Lembaga Malaya* misalnya dalam usaha untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan pembacanya telah mengubah hari pengeluarannya daripada hari Isnin kepada hari Jumaat memandangkan hari Jumaat merupakan hari cuti bagi negeri Johor. Tindakan ini secara tidak langsung membolehkan penduduk negeri Johor menjadikan akhbar *Lembaga Malaya* sebagai santapan minda mereka dalam usaha untuk mengisi waktu lapang pada waktu cuti.

Pengaruh Timur Tengah dalam Aktiviti Persuratkhabaran dan Majalah

Meskipun kegiatan persuratkhabaran dan majalah di Tanah Melayu dirintis oleh golongan mubaligh Kristian. Namun dalam konteks negeri Johor, elemen dari Timur Tengah merupakan antara tulang belakang dalam perkembangan persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor (Roff, 1972). Perlu ditegaskan dalam

perbincangan ini bahawa kemajuan dan perkembangan industri persuratkhabaran dan majalah di Tanah Melayu, khususnya dalam aspek teknik dan teknologi percetakan bukanlah seratus peratus hasil daripada sumbangan pihak Barat. Sebaliknya, negara Timur Tengah turut berjasa dalam memperkasakan perkembangan industri persuratkhabaran dan majalah di negeri Johor. Hal ini disebabkan oleh teknik dan teknologi percetakan yang digunakan di Tanah Melayu dipelajari dan diimport dari Mesir oleh pelajar Melayu yang menuntut di Universiti Al-Azhar. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman:

Pemergian ramai pelajar Melayu ke Mesir untuk menyambung pelajaran sejak awal abad ke-20, khususnya di Universiti al-Azhar merupakan satu fasa penting dalam perubahan kehidupan masyarakat Melayu. Pengalaman berada di Mesir bukan sahaja mendedahkan pelajar-pelajar Melayu terhadap pelbagai ilmu pengetahuan khususnya ilmu-ilmu Islam dan berpeluang untuk menuntut ilmu dengan ulama al-Azhar yang terkenal, tetapi juga mendedahkan mereka dengan perjuangan kebangsaan yang sedang berkembang pesat di Mesir ketika itu. Terdapat juga segelintir pelajar Melayu yang pernah berhubungan dengan tokoh politik Mesir dan parti-parti politik di Mesir, sekali gus mencorakkan pemikiran dan pandangan mereka terhadap politik dan memberikan inspirasi kepada mereka untuk menggerakkan semangat kebangsaan apabila pulang ke tanah air. Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh ketika berada di Mesir bukan sahaja membantu mereka untuk menjadi pendidik dan pengarang yang berwibawa, tetapi turut menyumbang kepada perkembangan bidang pendidikan dan penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia.

(Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman, 2013)

Tambahan pula, terdapat kecenderungan di negeri Johor menghantar lepasan sekolah agama kerajaan negeri Johor ke Mesir. Bahkan, kerajaan Johor turut menyediakan biasiswa kepada pelajar untuk menyambung pengajian di Universiti Al-Azhar. Peluang belajar di Mesir telah dimanfaatkan oleh pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan, penubuhan syarikat, penerbitan dan percetakan akhbar dan majalah. Malahan, seorang penuntut Al-Azhar dari Johor, iaitu Muhammad Fadhlullah Suhaimi merupakan pelajar Melayu pertama yang berjaya menubuhkan syarikat percetakan pertama di Mesir iaitu *al-Matbaah al-Ittihādiyyah* pada tahun 1914 (Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman, 2013).

Beliau merupakan satu-satunya pelajar Melayu yang pernah menerbitkan buku di Mesir bertajuk *Kitab Pelajaran Tauhid*. Sekembali ke Tanah Melayu, Fadhlullah berkhidmat sebagai guru agama. Pada masa yang sama juga, beliau turut bergiat aktif dalam aktiviti penerbitan majalah berorientasikan agama di negeri Johor. Dalam pada itu, terdapat juga pelajar lepasan Timur Tengah yang terpengaruh dengan gerakan politik *Pan-Islamisme* mulai sedar akan keperluan untuk

membangunkan dan memajukan masyarakat Melayu (Roof, 2003). Oleh itu, mereka bertindak mengimport budaya membuka madrasah dan menerbitkan akhbar dan majalah sebagai wadah perjuangan mereka (Siti Zaharah, 2018). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika terdapat madrasah di negeri Johor yang bergiat aktif dalam kegiatan penerbitan akhbar dan majalah seperti Madrasah Al-Haji Taib, Parit Jamil yang menerbitkan *Masa* pada tahun 1924 dan Madrasah Al-Attas, Johor Bahru pula menerbitkan *Jasa* pada 1927. Bahkan, tokoh persuratkhabaran dan reformis Melayu, iaitu Sheikh Tahir Jalaluddin merupakan tulang belakang di sebalik kemunculan majalah *Masa*.

Muar sebagai Syurga Percetakan di Negeri Johor

Berdasarkan penelitian, kebanyakan akhbar dan majalah yang terbit di negeri Johor sepanjang tahun 1900 hingga tahun 1945 bertumpu di daerah Muar. Daripada 25 akhbar dan majalah yang terbit sebelum Perang Dunia Kedua di negeri Johor, 12 daripadanya diterbitkan di daerah Muar manakala selebihnya di Johor Bahru dan Batu Pahat (Iskandar, 1990). Antara majalah dan akhbar yang diterbitkan di Muar ialah *Masa* (1924) yang diterbitkan oleh madrasah Haji Taib, *Perjumpaan Melayu* (1925) dan *Panji Melayu* (1927) oleh Matbaah al-Khairiah Muar, dan *Katok-katok* (1930) diterbitkan oleh Ismail Jaafar. Sementara itu, terdapat juga akhbar dan majalah yang diterbitkan oleh persatuan yang terdapat di daerah tersebut, misalnya *Lembaran Guru* (1926) oleh Persekutuan Guru-guru Islam Muar, *Taja Penghiburan* oleh Persatuan Muar Kelab Bandar Maharani (1934), *Lidah Teruna* (1920) oleh Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar. Majalah *Neraca* (1934) diterbitkan oleh Abdul Ghani bin Abdullah manakala majalah *Cahaya* (1930) tidak dapat dikesan siapa pengiatnya (Siti Zaharah, 2018).

Persoalannya kini, mengapakah kegiatan persuratkhabaran dan majalah begitu subur di daerah Muar yang terletak jauh dari pusat pentadbiran negeri di Johor Bahru? Bagi menjawab persoalan ini, perlu ditegaskan bahawa meskipun Muar bukan pusat pentadbiran kerajaan Johor, namun Muar merupakan sebuah daerah yang maju dan pesat membangun. Hal ini diakui sendiri oleh seorang pengarang akhbar *Malay Mail* yang menggambarkan Muar sebagai:

If anybody wishes to see how Malays manage to get on nowadays when left more or less to themselves, we recommended a visit to Bandar Maharani on the Muar river... there is a nice Padang, surrounded by iron chains linked to granite pillars; there is magnificent galvanized iron market with a circular roof: there are standpipes in the straits and water laid on the houses: there are European Doctor and free Medical attendance to all Malays; the Street and road are excellent; brick and drains are being laid down; the police are smart and well set-up the post office is a clean and attractive place and outside is hung a board giving the last known rates of exchange; a large export trade is done in agricultural produce: at least one steamer calling every day...

all the except the railway and hospital is under supervision. The Railway is under Mr. Campbell, a former Manager of Selangor Government Railway – but even here nearly all subordinates such as drivers, guards, clerks, porters are all Malays.

(Malay Mail, 8 Mac 1901)

Pada masa yang sama, kemajuan industri persuratkhabaran di Muar sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kedudukan geografinya yang bersempadan dengan Melaka. Meskipun bidang persuratkhabaran di Melaka tidak semaju Singapura, namun tempiasnya sedikit sebanyak mempengaruhi kemajuan Muar dalam bidang persuratkhabaran. Industri persuratkhabaran di Melaka agak lembap, namun peranan Melaka sebagai pusat pembekal alat percetakan tidak dapat dinafikan. Peralatan cetak yang diimport dari India akan dibawa masuk melalui Melaka (Md. Saidin, 1998:12). Sarim Mustajab dalam *"Perkembangan Surat khabar dan Majalah di Johor 1919- 1941"* menyatakan bahawa syarikat percetakan di Muar cenderung untuk membeli alat percetakan yang majoritinya dari England dan Jerman secara langsung terus daripada pembekal dan pengedar (Sarim Mustajab, 1997). Situasi ini dirancakkan lagi dengan kewujudan perkhidmatan kereta menghubungkan Muar dengan Melaka yang sudah mula beroperasi sejak tahun 1913 lagi (G.A. 174/1919). Secara tidak langsung keadaan ini membolehkan teknik penerbitan dan percetakan di Melaka dibawa masuk ke Johor, sekali gus menjadi faktor kemunculan beberapa buah syarikat percetakan di Muar. Menurut Siti Zaharah Mahfod (2018), terdapat sekurang-kurangnya tujuh buah syarikat percetakan di Muar yang terlibat aktif dalam kegiatan penerbitan akhbar dan majalah, seperti Syarikat Maharani Muar (1925), Matbaah Al-Khairiah (Welfare Press) (1925), Matbaah Parit Jamil (1934), Maharani Press (1930-an), Daud Press (1930-an), Johoriah Press (1930-an), dan Percetakan al-Jamiliah Parit Jawa (1930-an). Pengaruh syarikat percetakan di Muar terhadap perkembangan aktiviti penerbitan akhbar dan majalah turut diakui oleh Za'ba yang menyatakan:

Many of this printing houses, notably those in Penang and Muar invite writers to write books and stories for them or to send them an unpublished manuscript of sufficient interest to be printed by them, offering in return for each small remuneration or royalty or certain number of copies of the books when printed to be sold by the author as his own share. In this way the Penang and Muar publisher have produced quite an imposing number of few books and so have smaller printers in other parts of the country.

(Za'ba, 1941: 1).

Jarak yang jauh antara Muar dengan Singapura secara tidak langsung kesukaran untuk mendapatkan akhbar dan majalah Melayu yang pada waktu itu berpusat di Singapura. Situasi ini seterusnya mendorong penduduk Muar mengambil

inisiatif menerbitkan sendiri akhbar dan majalah untuk mengisi kekosongan dalam industri persuratkhabaran di Muar.

Analisis terhadap fail dan rekod di Arkib Negara cawangan Johor mendapati bahawa faktor dalaman di Muar sendiri merupakan penggerak kepada kemunculan Muar sebagai pusat persuratkhabaran dan majalah terbesar di negeri Johor sehingga tahun 1945. Satu daripada faktor tersebut ialah '*trend*' dan kecenderungan dalam kalangan pegawai kerajaan Johor di daerah Muar untuk menghantar anak-anak mereka ke Singapura bagi melanjutkan pelajaran. Berdasarkan rekod yang tercatat dalam fail Pejabat Menteri Besar Johor, menjelang tahun 1921 terdapat kira-kira tujuh orang anak kakitangan kerajaan Muar yang berjaya menamatkan pelajaran di Singapura. Mereka ialah Hamzah bin Taib, Ismail Abdullah, Talib bin Taib, Hamzah bin Abdul Majid, Mahmud bin Muhammad Shah, Ibrahim Haji Yusuf, dan Harun Husin (J/MB 42/1921). Golongan inilah yang bertanggungjawab membawa masuk dan menghidupkan budaya berpersatuan dan persuratkhabaran di daerah Muar. Hamzah bin Taib misalnya, muncul sebagai tenaga penggerak *Muar Club* yang menerbitkan majalah *Taja Penghiburan* sebelum menjadi aktivis politik di negeri Johor.

Faktor tersebut seterusnya dirancarkan lagi dengan sikap pegawai kerajaan di daerah Muar yang kerap berulang-alik ke Singapura pada setiap minggu (S.S 141/1926). Hal ini secara tidak langsung mendedahkan Muar dengan budaya penerbitan akhbar dan majalah yang aktif ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan di Singapura. Faktor jarak tidak menjadi penghalang untuk membataskan perhubungan antara daerah Muar dengan Singapura. Sebaliknya, dihubungkan menerusi pengangkutan laut (Abdul Shukor, 1984: 65). Daerah, seperti Muar dan Batu Pahat pada waktu dahulu dihubungkan dengan Singapura menerusi kapal stim yang turut berlabuh di pangkalan yang terdapat di Kukup, Pontian, Benut dan Senggaram (J/SUK 2; SSD 1901). Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan budaya menerbitkan akhbar dan majalah seperti di Singapura tersebar ke daerah Muar.

Selain itu, peranan pegawai kerajaan dalam membudayakan aktiviti persuratkhabaran di daerah Muar sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Usaha ini bertujuan untuk membuka minda golongan bawahan, maka Pesuruhjaya Daerah Muar bertindak membekalkan akhbar secara percuma kepada setiap orang penghulu dan naib penghulu di daerah Muar (J/MB 346/1939). Objektif membekalkan akhbar secara percuma kepada penghulu bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan pengetahuan yang akan disebarkan kepada anak buah mereka. Pemberian akhbar percuma kepada penghulu dan naib penghulu ini bukanlah untuk kegunaan peribadi, sebaliknya untuk dimanfaatkan oleh penduduk kampung. Dalam konteks ini, penghulu diamanahkan untuk menjaga akhbar tersebut dan penduduk kampung boleh pergi ke rumah penghulu untuk membaca akhbar tersebut. Melalui kaedah ini, penduduk

akan mendapat maklumat terkini tentang perkembangan semasa, khususnya yang berkaitan dengan hal ehwal dalam negeri. Bagi penduduk yang tidak boleh membaca, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada penduduk yang lain untuk mengetahui isi kandungan akhbar tersebut. Tradisi membacakan akhbar kepada golongan yang buta huruf menjadi suatu kebiasaan di Tanah Melayu pada waktu dahulu. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh A. Samad Ismail dalam memoirnya yang menceritakan rutin hariannya pada setiap malam, iaitu membacakan ruangan pojok “Hantu Raya” dan “Wak Ketok” dalam *Utusan Melayu* kepada ibu dan kakak-kakaknya (A. Samad Ismail, 1993: 46).

Jadual 4 Populasi negeri Johor berdasarkan banci penduduk tahun 1931.

Daerah	Jumlah populasi	Eropah	Serani	Melayu	Lain-lain Malaysia	Cina	India	Lain-lain
Johor Bahru	95,384	359	154	10,990	8,832	57,441	16,528	1,080
Muar	150,452	152	87	46,595	32,039	57,800	13,164	615
Batu Pahat	120,160	38	33	19,808	55,867	37,320	5,894	1,191
Segamat	42,389	90	17	9,528	2,007	22,308	8,171	268
Kota Tinggi	36,639	56	2	7,834	4,590	18,671	5,029	457
Kukup	44,046	15	9	12,117	15,739	14,631	1,464	71
Endau	16,241	12	-	6,375	2,101	6,896	788	69
Jumlah	505,311	722	302	113,247	121,175	215,076	51,038	3,751

Sumber: *British Malaya a report of the 1931 census*. (Vlieland, 1931, hlm. 122).

Tambahan pula dalam konteks negeri Johor, Muar merupakan jajahan yang paling luas dan mempunyai penduduk paling banyak. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan sekiranya Muar mampu muncul sebagai syurga percetakan di negeri Johor. Banci penduduk tahun 1931 seperti yang terkandung dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa populasi di daerah Muar adalah yang tertinggi di negeri Johor berbanding dengan daerah lain dengan jumlah penduduk sebanyak 150,452 orang mendahului daerah Batu Pahat dan Johor Bahru, sekali gus menyediakan pasaran pembaca yang luas (Vlieland 1931, hlm. 122).

Seterusnya, aktiviti persuratkhabaran di Muar ini dirancakkan lagi dengan kewujudan perkhidmatan kereta api yang mula beroperasi sejak tahun 1889 bagi menghubungkan Bandar Maharani dengan Sungai Batu Pahat (SSDM 13 November 1888, SUK 597/1915). Kewujudan perkhidmatan kereta

api di Muar ini secara tidak langsung memudahkan urusan pemasaran dan pengedaran akhbar dan majalah di sekitar Muar. Hal ini dikatakan demikian kerana kereta api ini akan melalui stesen yang merupakan kawasan penempatan penduduk yang berkapasiti padat, seperti Bandar Maharani, Parit Bakar, Parit Jawa, Parit Pecah, Sungai Pulai, Parit Keropok, Parit Keroma, Parit Raja, Parit Unas, Parit Samsu, Parit Jamil, Parit Bulat dan Parit Sri Menanti (J/SUK 235/1916).

Selain jaringan jalan kereta api yang menghubungkan kawasan yang mempunyai penduduk yang padat, Muar turut dilengkapi dengan jaringan jalan raya yang menghubungkan kawasan pedalaman yang bersempadan dengan daerah lain. Sejak tahun 1913, kerajaan Johor giat menjalankan projek pembinaan jalan raya bagi menghubungkan kampung di daerah tersebut. Hal ini merupakan sebahagian daripada projek jangka masa panjang untuk menghubungkan daerah di negeri Johor dengan jaringan jalan raya. Dengan berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Muar pada tahun 1918, kerajaan Johor telah berjaya menyempurnakan pembinaan jalan raya yang menghubungkan bandar Maharani ke Batu Anam, Belemang, Serom dan Labis (G.A. 174/1919).

Selain itu, Abdul Malik Munip (1984) dalam *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884 — 1920 Peribumi dan Pemodenan*, sehingga tahun 1920 kerajaan Johor telah menyiapkan jalan raya sepanjang 141 batu jalan raya di daerah Muar dengan 113 batu daripadanya ialah jalan raya berturap (Malik Munip, 1984: 59). Malahan, berbanding dengan daerah-daerah yang lain di Johor, Muar merupakan daerah yang mempunyai jaringan jalan raya yang paling luas dengan panjang 128,000 batu seperti yang terkandung dalam Jadual 5. Sistem jaringan jalan raya yang lengkap ini secara tidak langsung membolehkan akhbar-akhbar yang diterbitkan di kawasan sekitar Bandar Maharani dihantar dan dipasarkan di kawasan-kawasan pedalaman, sekali gus merancakkan aktiviti persuratkhabaran di Muar. Pada masa yang sama, jaringan jalan raya yang luas dan lengkap membolehkan akhbar dan majalah yang diterbitkan di Muar dipasarkan ke daerah-daerah lain di Johor dan negeri-negeri lain.

Jadual 5 Panjang laluan jalan raya tahun 1923 mengikut daerah.

Daerah	Jalan Negeri (Batu)	
	Bertar	Biasa
Johor Bahru	90,000	
Segamat	69,000	
Kota Tinggi	30, 000	
Kluang	88,000	
Muar	122,000	2,00
Batu Pahat	65,000	6,00
Endau	38,250	
Jumlah keseluruhan	502,250	8,00

Sumber: *State of Johore annual report* (1923, hlm. 36).

Kemajuan dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di daerah Muar telah menarik beberapa orang aktivis politik untuk singgah bertapak di Muar. Tokoh kewartawanan, seperti Ishak Haji Mohammad, Sheikh Tahir Jalaluddin, dan Muhammad Eunos Abdullah pernah bermastautin di daerah Muar, sekali gus mempengaruhi perkembangan kegiatan persuratkhabaran dan majalah di daerah Muar. Muhammad Eunos Abdullah selepas menamatkan pelajarannya pernah berkhidmat di Muar sebagai Pegawai Pelabuhan, manakala Pak Sako pula pernah menyembunyikan diri di Muar ketika mengalami tekanan kerja sebagai majistret. Malahan, Pak Sako dalam memoirnya mengakui bahawa beliau memilih untuk bersembunyi di Muar kerana tertarik dengan sebuah majalah yang diterbitkan di daerah tersebut, iaitu *Suara Benar* (Ishak Haji Mohammad, 1996: 125). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah sewaktu dalam persembunyiannya, Pak Sako memilih untuk mengajar bahasa Inggeris di Madrasah Haji Taib, Parit Jamil, Muar yang menerbitkan majalah *Masa*. Tokoh persuratkhabaran Melayu ini turut memberikan sumbangan dalam bidang persuratkhabaran di Muar. Buktinya, Pak Sako dalam memoirnya mengakui bahawa beliau sempat menulis artikel untuk dimuatkan dalam majalah *Masa*. Antaranya rencana yang berkaitan dengan ekonomi dan kemajuan orang Melayu bertajuk “Memandang ke Hadapan” (Ishak Haji Mohammad, 1996: 137). Selain Eunos Abdullah dan Pak Sako, seorang lagi tokoh persuratkhabaran yang pernah bergiat aktif di Muar ialah Syeikh Tahir Jalaluddin. Selepas dibebaskan daripada tahanan penjara di Padang Indonesia atas tuduhan menjalankan kegiatan subversif menentang Belanda, Syeikh Tahir Jalaluddin memilih bermastautin di negeri Johor. Di Johor, beliau berkhidmat sebagai ‘Mudir’

di Sekolah Arab Parit Jamil Muar pada tahun 1925 serta Madrasah Haji Taib, Parit Jamil pada tahun 1927 hingga tahun 1930 (Bachtiar Djamil, 1994: 55). Menurut Bachtiar Djamil (1994), sewaktu mengajar di Muar beliau sering memberikan syarahan mengenai pelibatangnya dalam majalah *Al-Imam* yang mendapat inspirasi daripada majalah *Urwatul Wusqa*, serta menggalakkan pelajar-pelajar membaca dan menulis artikel, serta rencana untuk dimuatkan di akhbar dan majalah Melayu.

Jadual 6 Taburan lokasi penerbitan akhbar dan majalah semasa perang dunia kedua.

Lokasi	Majalah	Akhbar	Jumlah
Singapura	3	3	6
Pulau Pinang	1	1	2
Muar	1	3	4
Ipoh	2	0	2
Melaka	0	1	1
Kuala Lumpur	1	0	1
Alor Star	1	0	1
Kota Baharu	0	1	1

Sumber: Hamed Mohd Adenan (2002). *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka* (hlm.3)

Pada masa yang sama, sehingga tahun 1945, terdapat 50 sekolah Melayu daerah Muar. Sekolah Melayu yang pertama dibuka di Muar ialah Sekolah Melayu Kampung Lantapuri yang mula beroperasi sejak tahun 1883 lagi (Ismail, 1984: 208). Bilangan sekolah Melayu yang banyak ini secara tidak langsung mempengaruhi kadar literasi di daerah Muar, sekali gus merancakkan lagi budaya membaca dalam kalangan warga Muar. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan jika kadar penerbitan akhbar dan majalah di Muar masih tinggi meskipun ketika era Perang Dunia Kedua dengan empat buah penerbitan di belakang Singapura seperti dipaparkan dalam Jadual 6. Tatkala era pendudukan Jepun menyaksikan kebanyakan akhbar dan majalah Melayu terpaksa menghentikan pengeluarannya, namun di Muar, beberapa akhbar dan majalah baharu muncul antaranya *Matahari Terbit* atau *Matahari Shimbun* diterbitkan oleh Harun Abdullah dan *Matahari Memancar* yang diketuai oleh Harun Aziz dan disunting oleh Norain Jenain (Hamed Mohd Adnan, 2002: 32). samping itu, terdapat juga *Chermin Hidup* yang diterbitkan oleh Jamilah Press. Selain menyalurkan maklumat dan perkembangan semasa, akhbar dan majalah

ini menjadi sebahagian daripada alat propaganda Jepun untuk menggembleng sokongan orang Melayu terhadap pemerintahan tentera Jepun pada ketika itu (Hamed Mohd. Adnan, 2003: 15).

KESIMPULAN

Meskipun kegiatan penerbitan akhbar dan majalah bermula agak lewat di negeri Johor berbanding dengan negeri Melayu yang lain, keadaan tersebut tidak bermaksud masyarakat Melayu Johor tercicir dalam kegiatan intelektual. Sebaliknya, sejak akhir abad ke-19 lagi, masyarakat Melayu Johor telah aktif dalam kegiatan persuratan. Perkembangan ini bermula dengan penerbitan kitab *Pemimpin Johor* pada tahun 1878 oleh Dato' Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munshi, diikuti penubuhan Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa pada tahun 1888. Perkembangan tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Johor, khususnya dalam kalangan pembesar Melayu, telah aktif dalam kegiatan persuratan dan keintelektualan. Mereka juga terlibat secara tidak langsung dalam penulisan surat dan pertukaran idea melalui akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan di Singapura, seperti *Bintang Timor* dan *Jawi Peranakan*. Selain itu, satu daripada artikel yang dikirimkan oleh seorang pembesar Melayu Johor bertajuk "Matahari Memancar" turut mendapat sambutan yang menggalakkan dalam majalah *Al-Imam*. Dalam konteks ini, kedudukan geografi Johor yang berhampiran dengan Singapura merupakan antara faktor yang mempengaruhi kelewatan pelibatan masyarakat Melayu Johor dalam kegiatan penerbitan akhbar dan majalah. Walau bagaimanapun, hasil daripada proses pemodenan Johor, penekanan kerajaan terhadap bidang pendidikan, serta sokongan dan bantuan kerajaan negeri telah menyumbang kepada perkembangan industri persuratkhabaran dan penerbitan majalah di Johor. Perkembangan ini menyaksikan pelibatan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia, jantina, dan kedudukan sosial, termasuklah golongan pembesar dan rakyat biasa dalam kegiatan penerbitan akhbar dan majalah.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas kemudahan penyelidikan yang disediakan sepanjang proses penyediaan artikel ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Arkib Negeri Johor, serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam memperoleh sumber primer dan sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Muhammad Izuan Abdul Rahman: Bertanggungjawab terhadap konseptualisasi kajian, pengumpulan data, penyelidikan arkib, analisis data, penulisan draf asal,

dan penyediaan manuskrip; Muhammad Hasrul Zakariah: Pembangunan kerangka teori dan metodologi, penyeliaan penyelidikan, interpretasi dapatan, serta semakan dan penyuntingan kritikal manuskrip; Azmi Arifin: Pengukuhan analisis, penilaian kritikal kandungan ilmiah, semakan manuskrip, dan pengesahan versi akhir artikel untuk penerbitan. Semua pengarang telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong dapatan kajian ini terdiri daripada sumber sejarah primer dan sekunder yang boleh dicapai melalui institusi arkib, perpustakaan, dan repositori akademik yang dinyatakan dalam senarai rujukan. Data tambahan yang berkaitan dengan kajian boleh diperoleh daripada penulis koresponden atas permintaan yang munasabah, tertakluk kepada peraturan capaian dan penggunaan bahan arkib yang berkenaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Penulis menggunakan alat kecerdasan buatan generatif secara terhad bagi membantu semakan bahasa, tata bahasa dan penambahbaikan gaya penulisan. Walau bagaimanapun, keseluruhan reka bentuk kajian, analisis sumber, tafsiran data, penghujahan akademik dan penyediaan kandungan ilmiah artikel ini ialah hasil kerja asal penulis. Penulis telah menyemak, mengesahkan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan akhir artikel ini.

RUJUKAN

- A. M. Iskandar Haji Ahmad. (1980). *Persuratkhabaran Melayu 1876 — 1968* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. M. Iskandar Haji Ahmad. (1990). *Persuratkhabaran Melayu, 1876 — 1968* (Edisi cetak ulang). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Malik Munip. (1984). *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884 — 1920 peribumi dan pemodenan*. Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail, & Mahani Musa (Pnyt). (2011). *Akhbar dan tokoh persuratkhabaran Malaysia kurun ke-20*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Shukor Ismail. (1984). *Sejarah ringkas Muar*. Penerbitan Toko Muar.

- Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman. (2013). Contributions of Egypt alumni in education and literature in Malaya and Indonesia, 1920s-1970s. *International Journal of West Asian Studies*, 5(1), 1–26.
- Ahmad Fawzi Basri. (1984). Perkembangan pendidikan negeri Johor 1856 — 1939: Satu kajian ringkas. Dlm. Khoo Kay Kim (Pnyt.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Jabatan Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmat Adam. (1995). *The vernacular press and the emergence of modern Indonesian consciousness (1855–1913)*. Southeast Asia Program, Cornell University.
- Al-Imam. (1906–1908). Matba'ah Al-Imam.
- Amarjit Kaur. (1984). An historical study of Malaya. Dlm. Muhammad Abu Bakar et al. (Pnyt). *Historia*. The Malaysian Historical Society.
- Amat Juhari Moain. (2009). *Sejarah perancangan bahasa Melayu di negeri Johor*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bachtiar Djamily. (1994). *Riwayat hidup dan perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Falaqi Al-Azhari*. P. T. Kreasi Jaya Utama.
- Bintang Timor. (1894–1895). Bintang Timor Press.
- Bulan Melayu. (1930–1941). Persekutuan Perempuan Melayu Johor.
- Byrd, C. K. (Terjemahan oleh Mansor Ahmad Saman). (1991). *Percetakan awal di jajahan Selat 1806 — 1858*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chelliah, D. D. (1947). *A history of the educational policy of the straits settlements with recommendations for a new system based on vernaculars*. The Government Press.
- G.A. 145/1915: *Public work department annual report for 1914*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- G.A. 174/1919: *Annual report for 1918 on the Muar district*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- Hamed Mohd Adnan. (2002). *Direktori majalah-majalah Melayu sebelum merdeka*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hamed Mohd. Adnan. (2003). *Penerbitan majalah di Malaysia isu-isu dan cabaran*. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Harper, T. N. (1999). *The end of empire and the making of Malaya*. Cambridge University Press.
- Ian Proudfoot. (1986). A formative in Malay book publishing. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 59.
- Ishak Haji Mohammed. (1996). *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- J/MB 346/1939: Memohon dikurniakan oleh kerajaan kertas-kertas khabar Melayu bagi penggunaan penghulu-penghulu dalam daerah Muar dengan tiada ada dikenakan oleh bayaran sebagaimana kenyataan di dalam suratnya. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- J/MB 42/1921: Peringatan anak-anak pegawai di Muar yang telah lulus dalam pelajaran Inggeris di Singapura. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

- J/MB 652/1938: Lembaga Malaya Press, request continuation of the support by Government. Arkib Negara Cawangan Johor.
- J/SUK 2: Annual report on the social & economic progress of the people of Johore for 1931.
- J/SUK 235/1916: Merepotkan pekerjaan Jajahan bagi tahun 1915. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- Khoo, K. K. (1994, November 15). Nasionalisme Melayu, 1919—1941: Suatu tatapan semula [Kertas kerja]. *Seminar Kebangsaan Nasionalisme dan Pembangunan di Malaysia*. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lembaga Malaya. (1935). Lembaga Malaya Press.
- Malek Munip. (1984). Satu nota mengenai hubungan birokratik awal di Johor 1895. *Malaysia dari Segi Sejarah* [Bil. 13].
- Malik Munip. (1973). Sejarah perkembangan penduduk rumpun Melayu Muar 1884—1920. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* [Bil 2].
- Marohaini Yusoff. (Penyunting). (2011). Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian. Penerbit Universiti Malaya.
- Md. Saidin Ahmad Ishak. (1998). *Penerbitan dan percetakan buku-buku Melayu 1807—1960*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman. (2015). *Peranan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan Johor, 1862—1957* [Tesis sarjanai, Universiti Sains Malaysia].
- Muhammad Izuan Abdul Rahman. (2025). Transformasi kepemimpinan persatuan Johor dari istana ke rakyat. *Jurnal Sejarah Malaysia*, 12(2), 45–60.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan pemerintahan Johor (1800—1945) suatu analisis sosiologi sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (1979). Lembaga Malaya 1934—1940. Dlm. *Malaysia dari Segi Sejarah*. Vol. 8.
- Roff, W. (2003). *Nasionalisme Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Roff, W. R. (1972). *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the straits settlements and Peninsula Malay States 1876—1941*. Oxford University Press.
- S.P 27 Surat Persenderian Dato' Muhammad Said Sulaiman.
- Sarim Mustajab. (1997). Perkembangan surat khabar dan majalah di Johor 1919-1941. Dlm Zainal Abidin Borhan, et al. (Pnyt), *Warisan Persuratan Johor*. Yayasan Warisan Johor.
- Sarim Mustajab. (1985). *The impact of colonial rule in Johor: A case of social and political adjustment* [Tesis doktor falsafah, University of Kent at Canterbury, United Kingdom].
- Siti Zaharah Mahfod. (2018). *Kedudukan politik dan sosioekonomi masyarakat Melayu dalam akhbar dan majalah terbitan negeri Johor sebelum perang dunia kedua*. [Tesis doktor falsafah, Universiti Sains Malaysia].
- Vlieland, C. A. (1931). *British Malaya a report of the 1931 Census and on certain problems of vital statistics*. Office of the Crown Agents for the Colonies; Malayan Information Agency.

Za'ba. (1941). Recent Malay literature. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 19(part 1)